

WACANA ILMU *TAHRIRĀT* DALAM PENGAJIAN AL-QIRAAT: ANALISIS TERHADAP METODOLOGI IBN AL-JAZARĪ DALAM KITAB AL-NASHR

Mukhlis Mustaffa

Department al-Quran & Hadith,
Sultan Ismail Petra International Islamic College,
15730, Kota Bharu, Kelantan

Khairulnazrin Nasir

Department of Usuluddin,
Sultan Ismail Petra International Islamic College,
15730, Kota Bharu, Kelantan

Corresponding Author’s Email: ahmadmukhlismustaffa@gmail.com

Article history:

Received : 3 March 2022

Accepted : 17 October 2022

Published : 27 December 2022

ABSTRAK

Kitab al-Nashr merupakan kitab yang mengumpulkan tariq secara universal dan membincangkan segala bentuk-bentuk bacaan dan wajah jika dibandingkan dengan Tariq al-Shatibiyyah. Manakala Ilmu Tahrirat pula berfungsi sebagai neraca yang menyaring semula segala Qira’at, Riwayat, Tariq dan Wajah yang terdapat dalam al-Nashr agar tidak berlaku pertindihan dan percampuran dalam empat perkara tersebut ketika membaca al-Quran. Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk menjelaskan hubungan al-Nashr dan Ilmu Tahrirat. Seterusnya menyingkap sejarah kemunculan Ilmu Tahrirat serta perkaitannya dengan sistem talaqqi dan mushafahah samada secara Ifrad mahu pun Jam’. Kajian ini berbentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan data adalah melalui metod penyelidikan kepustakaan. Kajian ini bertujuan memperkenalkan Ilmu Tahrirat sebagai ilmu yang penting sekaligus mengoptimumkan penggunaan wajah-wajah bacaan al-Quran berdasarkan panduan Tahrirat yang sahih. Kajian juga memperlihatkan bahawa pada permulaan tahun 400 Hijrah adalah tahun kerancakan Talaqqi Qira’at secara Jam’ dan ilmu Tahrirat pula sudah pun dipraktikkan secara teori dan juga amali.

Kata kunci: Ibn al-Jazari, al-Nashr; Tahrirat; Jam’ Qira’at; Ifrad

TAHRĪRĀT DISCOURSE IN AL-QIRAAAT STUDIES: ANALYSIS OF THE METHODOLOGY OF IBN AL-JAZARĪ IN THE BOOK AL-NASHR

ABSTRACT

The Book of al-Nashr is a book that collects tariq universally and discusses all forms of recitation and face when compared to Tariq al-Shatibiyah. While the knowledge of Tahrirat serves as a balance sheet that re-filters all Qira'at, Narration, Tariq and Face found in al-Nashr so that there is no overlap and mixing in the four matters when reciting the Quran. This study was done with the aim of explaining the relationship of al-Nashr and Tahrirat Science. Next, the history of the emergence of Tahrirat knowledge and its association with the talaqqi and mushafahah system whether by Ifrad or Jam'. The study is qualitative. The data collection method is through the research method of the library. The aim of this study is to introduce Tahrirat as an important knowledge as well as optimize the use of the faces of reciting the Quran based on the authentic Tahrirat guide. Studies have also shown that at the beginning of the year 400 Hijrah is the year of Talaqqi Qira'at's work on a Jam' basis and the knowledge of Tahrirat is already practiced in theory and practice.

Keywords: *Ibn al-Jazari, al-Nashr; Tahrirat; Jam' Qira'at; Ifrad*

PENDAHULUAN

Ilmu Qira'at merupakan antara ilmu yang penting dan mulia kerana kaitannya dengan kitab suci milik Allah SWT dan merupakan rahmat daripadaNya untuk mempermudahkan proses pembelajaran dan pengajaran dalam bacaan al-Quran bagi umat manusia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan dialek.

Dalam apa jua keadaan sekalipun, Allah SWT menjamin untuk menjaga keutuhan dan kesuciannya daripada penyelewangan bukan sahaja pada lafaz, malah pada bunyi (Sa'd Muhammad 'Abd al-Ghaffar, t.t.) dan juga pada tulisan. Kaedah yang paling utama dalam pengajian Qira'at adalah dengan melalui sistem *Talaqqi* dan *Mushafahah* (Sami 'Abd al-Fattah, t.t.).

Allah SWT befirman,

وَإِنَّكَ لَتَلْتَهُي الْقُرْءَانَ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ عَلَيْهِ ۖ

Terjemahan: *Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) diberikan menyambut dan menerima al-Quran dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui.* (al-Naml 27: 6)

Begitulah caranya ianya diterima daripada awal susur galur sanad sehingga ianya bersambung dengan baginda Rasulullah SAW. Dalam usaha untuk menjaga kesucian nas al-Qur'an dan *al-Hay'ah al-Ada'iyyah*, para ulama Qira'at telah mengarang kitab yang menerangkan secara terperinci cara bacaan yang mereka bertalaqqi daripada guru mereka. Dengan karangan tersebut, berupaya untuk menjadi panduan yang dapat menghalang bacaan daripada berlaku percampuran (al-Khalt) dan pertindanan (al-Tarkib) pada turuq.

Bacaan dengan menggunakan *tariq* yang betul adalah suatu yang dituntut oleh hukum syarak kerana ulama bersepakat bahawa haram atau makruh melakukan *talfiq* atau *tarkib* dalam bacaan al-Quran sebagaimana yang berlaku dalam hukum feqah. al-Nuwayri dan al-Azmiri menyatakan haram atau makruh serta tercela hukumnya melakukan *tarkib* pada *turuq* dalam bacaan Qira'at (Rida 'Ali Darwish & Samih Ahmad, 2000). Manakala al-Qustullani berpendapat wajib bagi setiap qari mengelakkan daripada melakukan pertindihan pada *turuq*, jika tidak dia telah membaca kitab dengan cara yang tidak pernah diturunkan oleh Allah SWT (al-Dabba', t.t.) Oleh itu di antara cara yang perlu dilakukan bagi menjaga kesucian al-Quran dari sudut riwayat dan juga *tariq* ialah dengan menguasai ilmu *Tahrirat*.

Ilmu ini dianggap sebagai ilmu yang amat penting diketahui dan merupakan salah satu cabang Ilmu Qira'at di samping Ilmu Tajwid, Resam, Dabt dan sebagainya (Ahmad Khalid Shukri, *et al.*, 2001). Justeru, pengkaji akan membincangkan tentang definisi dan pengenalan awal ilmu Tahrirat serta hubungannya dengan kitab al-Nashr.

METODOLOGI KAJIAN

Makalah ini berdasarkan pendekatan kajian kualitatif secara kepustakaan. Data tentang ilmu *tahrīrāt* diperoleh daripada buku dan artikel ilmiah, sama ada dalam bahawa Melayu atau Arab.

Bagi mengenal pasti metodologi yang digunakan oleh Ibn al-Jazarī dalam *al-Nashr*, maka kaedah analisis data secara induktif telah diaplikasikan. Kitab al-Nashr diteliti dari awal sehingga akhir sehinggalah suatu rumusan boleh dikemukakan di hujung kajian.

DAPATAN KAJIAN

Jadual berikut sebagai kesimpulan bagi perbincangan dalam penulisan ini.

¹ Cara mereka menerima dan mempersempahkan bacaan di hadapan syeikh.

Jadual 1.0: Analisis Perkembangan Ilmu *Tahrirat*

Peringkat	Perkara	Masa	Butiran
Peringkat 1	Peringkat Awal	Sebelum kurun ke 5 610 Masihi 400 H	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bermula seiring dengan penurunan al-Quran. 2. Sahabat hanya mengajarkan bentuk <i>qira'at</i> yang mereka terima sahaja. 3. Talaqqi secara Ifrad. Adapun <i>Tahrirat</i> dipraktikkan secara langsung semasa proses <i>talaqqi</i> dan <i>mushafahah</i>. 4. Ilmu <i>Tahrirat</i> pada peringkat ini masih lagi tidak dianggap sebagai satu ilmu yang berasingan daripada ilmu Qira'at.
Peringkat 2	Peringkat Dokumentasi Ilmu <i>Tahrirat</i> mula dibukukan	Kurun ke 5 401 H 500 H 501 H Kurun ke 6 600 H 701 H	<ol style="list-style-type: none"> 5. Bermula sebaik sahaja munculnya kaedah bacaan secara <i>Jam'</i>. 6. Zaman Abu 'Amr 'Uthman bin Sa'id al-Dani (meninggal dunia pada 444 H) 7. Ulama mula mengarang berkenaan dengan ilmu <i>Tahrirat</i> 8. Imam al-Shatibi (meninggal dunia 590 H)
Peringkat 3	Peringkat Kemuncak	Kurun ke 8 dan selepasnya	<ol style="list-style-type: none"> 9. Bermula pada zaman Imam Ibn al-Jazari (meninggal pada 833H). Beliau berjaya menyiapkan karyanya pada penghujung kurun ke 8 iaitu pada 799 H

(Sumber: Pengkaji, 2021)

RUMUSAN DAPATAN BERKAITAN METODOLOGI IBN AL-JAZARI DALAM KARYANYA, AL-NASHR.

PERBINCANGAN

i. Pengenalan dan Kepentingan Ilmu *Tahrirat*

Imam Ibn al-Jazari dalam menerangkan berkenaan dengan kitab rujukan beliau dan silsilah sanad Qira'at 'Asharah Kubra berserta *tariq-tariq* yang terdapat padanya, beliau telah membahagikan penerangan tersebut kepada dua bab. Kemudiannya beliau menyimpulkan bahawa tujuan beliau memperincikan *tariq-tariq* Qira'at adalah bertujuan supaya para qari tidak melakukan *tarkib* dan *talfiq* pada *tariq-tariq* bacaan. Ibn al-Jazari (1998) telah menjelaskan perkara tersebut dengan katanya:

وَفَائِدَةٌ مَا عَيَّنَاهُ وَفَصَلَنَاهُ مِنَ الْطُّرُقِ وَدَكْرَنَاهُ مِنَ الْكُتُبِ هُوَ عَدَمُ التَّرْكِيبِ فَإِنَّهَا إِذَا مُسْتَرَّتْ وَبُيَّنَتْ ارْتَفَعَ ذَلِكَ وَاللَّهُ الْمُوْفِقُ

Terjemahan: *Kami telah menentukan dan menjelaskan tariq-tariq berserta kitab-kitabnya secara terperinci, tujuannya ialah supaya tidak berlaku pertindihan pada turuq. Semoga pencerahan dan klasifikasi yang telah dilakukan akan dapat mengelakkan perkara tersebut daripada berlaku.*

Daripada petikan di atas, secara tidak langsung dapat difahami bahawa Ibn al-Jazari telah menggambarkan dan mendefinisikan Ilmu *Tahrirat* dengan dua kalimah iaitu *al-Tamyiz* dan *al-Tabyin*.

Seterusnya pengkaji mendatangkan beberapa definisi *Tahrirat* berpandukan kepada pentakrifan yang telah diberikan oleh beberapa orang ulama.

i. Definisi Ilmu Tahrirat Pada Bahasa

1. Mengikut Ibn Manzur (t.t.):

تَحْرِيرُ الْكِتَابَةِ: إِقَامَةُ حُرُوفِهَا وَإِصْلَاحُ السَّقَطِ

Tahrir al-Kitabah bermaksud: *mengelokkan bentuk penulisan huruf-hurufnya dan memperbaiki kesalahan padanya*.

2. Mengikut al-Zabidi (1965):

تَحْرِيرُ الْكِتَابِ: تَقْوِيمُهُ وَتَخْلِيصُهُ؛ بِإِقَامَةِ حُرُوفِهِ وَتَحسِينِهِ بِإِصْلَاحِ سَقَطِهِ

Tahrir al-Kitab bermaksud: *mengemaskini, menyaring dan mentashihnya; iaitu dengan cara mengelakkan daripada melakukan kesalahan serta kemas dan cermat pada ejaan dan menghindari kecacatan pada tulisan*.

3. Mengikut ‘Abd al-Raziq bin ‘Ali (al-Jamzuri, 2005), *al-Tahrirat* diertikan sebagai:

الْتَّدْقِيقَاتُ: إِنْقَاعُ الشَّيْءِ وَإِمْعَانُ النَّظَرِ فِيهِ مِنْ غَيْرِ زِيادةٍ أَوْ نُفْصَانٍ

al-Tadqiqat bermaksud: *menekuni sesuatu dan membuat eksperimen terhadapnya tanpa melakukan tokok tambah dan pengurangan*.

4. Mengikut Muhammad al-Mutawalli (2006):

وَالْتَّحْرِيرُ، وَالْتَّهْذِيبُ، وَالْتَّصْفِيفُ، وَالتَّنْقِيقُ، يَعْنِي

Bermaksud: *kalimah al-Tahrir mempunyai pengertian yang sama dengan al-Tahzib (membuat penambahbaikan), al-Tasfiyah (membuat penapisan) dan al-Tanqih (melakukan semakan)*

Melalui penerangan di atas, jelas menunjukkan bahawa kalimah **الْتَّحْرِير**, **الْتَّهْذِيب**, **وَالْتَّصْفِيفُ**, **وَالتَّنْقِيقُ**, **يَعْنِي** diungkapkan pada beberapa makna dan situasi yang berbeza antaranya, **الإِتْقَان** dan **الثَّوْبَمِ**, **الْإِصْلَاحِ**, **الْتَّدْقِيقَاتُ**, **الْتَّصْفِيفُ**. Jika digabungkan kesemua kalimah-kalimah di atas ianya bermaksud *menyaring, mengamati, menapis, menghalusi dan mengemaskini agar tidak berlaku pertindihan serta percampuran pada sesuatu perkara*.

ii. Definisi Ilmu Tahrirat Pada Istilah

1. Mengikut ‘Abd al-Raziq bin ‘Ali (al-Jamzuri, 2005), *al-Tahrir* ialah:

تَنْقِيْخُ الْقِرَاءَةِ وَتَهْذِيْبُهَا مِنْ أَيِّ حَطَّاً أَوْ عُمُوضِ

Bermaksud: *menyemak bacaan daripada segala kesalahan dan kesamaran.*

2. Mengikut Ahmad Khalid Shukri (*et al.*, 2001):

الْتَّدْقِيْقُ فِي الْقِرَاءَاتِ وَتَقْوِيْمُهَا وَالْعَمَلُ عَلَى تَمْيِيْزِ كُلِّ رِوَايَةٍ عَلَى حَدَّةٍ مِنْ طُرُقِهَا الصَّحِيْحَةِ وَعَدَمِ خُلْطِهَا بِرِوَايَةٍ أُخْرِيٍّ

Bermaksud: *cermat dalam bacaan Qira'at dan berusaha untuk mengenal pasti riwayat yang betul-betul sahih berpandukan kaedah yang tepat serta tidak mencampuradukkan antara riwayat dengan riwayat yang lain.*

3. Mengikut Muhammad al-Mutawalli (2006), *Tahrirat* ialah:

تَحْلِيقُ الْأَوْجُهِ مِنَ التَّرْكِيبِ

Bermaksud: *menghindarkan al-Tarkib daripada berlaku pada wajah-wajah Qira'at.*

iii. Perbincangan Definisi Tahrirat


Sebagai rumusan daripada definisi-definisi di atas dapat disimpulkan bahawa, *Ilmu Tahrirat ialah ilmu yang membincangkan segala Qira'at, Riwayat, Tariq dan juga Wajah dengan terperinci. Ianya perlu diamati dan dibezakan antara satu sama lain dengan menyandarkan (al-'Azw) semua empat elemen di atas kepada periwayatnya agar tidak berlaku talfiq dan tarkib padanya.*

Adapun lafaz *tariq* adakalanya bermaksud umum dan kadang-kadang ianya terdiri daripada kitab-kitab seperti al-Taysir, al-Kamil dan selain daripadanya. Di dalam kitab tersebut terdapat satu riwayat yang bersumber daripada pelbagai *tariq* yang tidak diketahui perawinya. Dan dengan mengetahui perawi yang meriwayatkan wajah-wajah tertentu maka pertindanan dan perselisihan pada riwayat dapat dihindarkan serta dielakkan.

Untuk lebih memahami perkara di atas, pengkaji mendatangkan contoh iaitu Warsh melalui *Tariq al-Azraq*; daripada al-Taysir bagi al-Dani membaca Dhawat al-Ya' dengan dua wajah iaitu *Fath* dan *Taqlil*. Setelah penentuan perawi (*al-'Azw*) dilakukan, maka jelas bacaan *Fath* merupakan bacaan beliau melalui Ibn Ghalbun. Manakala bacaan *Taqlil* pula melalui gurunya yang bernama Ibn Khaqan. Oleh itu, jika anggapan bahawa bacaan dengan dua wajah di atas adalah

bagi Warsh semata-mata, maka ianya dianggap satu percampuran *tariq* dalam Ilmu *Tahrirat*.

Rajah 1: Wajah Dhawāt al-Yā’ bagi Warsh *Tariq* al-Azraq



(Sumber: Pengkaji, 2021)

iv. Kepentingan Ilmu Tahrirat

1. Kedudukan Ilmu *Tahrirat* amat tinggi dan mulia kerana peranannya ialah menjaga kesucian al-Quran daripada berlaku kesalahan dan dapat mencegah daripada berlaku pertindanan atau *tarkib* ketika membacaannya. Pengkaji amat yakin bahawa ilmu ini merupakan salah satu cara untuk memenuhi kehendak ayat,

إِنَّمَا تَحْكُمُ نَزَّلَنَا الْدِّيْكَرْ وَإِنَّا لَهُ لَخَفِظُونَ ۖ

Terjemahan: Sesungguhnya kamilah yang menurunkan al-Quran, dan sesungguhnya kami benar-benar memeliharanya. (al-Hijr 15:9)

2. Ilmu *Tahrirat* merupakan penggerak bagi para ilmuan dalam bidang Qira’at untuk mengkaji dengan lebih mendalam dalam bidang ini. Melalui kajian ini, dapat diketahui bentuk-bentuk bacaan, *tariq* yang benar-benar sahih, wajah-wajah yang harus (*ja’izah*), khusus (*makhsusah*) dan dilarang (*mamnu’ah*) dan ini tentulah memerlukan penelitian yang berterusan dan mendalam.
3. Ilmu *Tahrirat* merupakan satu ilmu yang memperincikan lafaz matan yang terlalu umum dan menghadkan ruang lingkup yang terlampau luas. Seperti kata Imam al-Shatibi (1996):

وَدُونَكَ الْإِدْعَامُ الْكَبِيرُ وَقُطْلَبُهُ # أَبُو عَمْرُو الْبَصْرِيُّ فِيهِ تَحْفَلَةٌ

Terjemahan: Ambillah oleh kamu akan *Idgham Kabir*, perbincangan dan perbahasannya adalah tertumpu kepada Abu ‘Amr, beliaulah yang paling banyak membaca dan menaqlal wajah bacaan dengan *Idgham Kabir*.

Bait tersebut dengan jelas menerangkan bahawa al-*Idgham al-Kabir* adalah bacaan masyhur bagi Imam Abu ‘Amr. Tetapi berdasarkan Ilmu *Tahrirat*, bacaan pada bab tersebut hanyalah khusus bagi al-Susi sahaja berpandukan *tariq* al-Shatibi.

v. Sejarah Ilmu Tahrirat

Pada awalnya Ilmu *Tahrirat* dan proses *talaqqi Qira'at* para ulama bersama dengan guru mereka bergerak seiring. Para mashayikh akan menerangkan secara langsung kepada para pelajar-pelajar di bawah didikannya mana-mana wajah-wajah yang dilarang atau *mamnu'* untuk dibaca.

Seterusnya, Ilmu *Tahrirat* berkembang sebagai satu disiplin ilmu yang berasingan dan tersendiri dan ianya sudah semestinya dibukukan. Ianya mempunyai asas, prinsip dan kaedah yang perlu diketahui oleh mereka yang berkecimpung dalam bidang *Qira'at* samada *Qira'at 'Asharah Sughra* atau *Kubra*. Segala fakta berkenaan dengan *Tahrirat* sebenarnya telah dinukilkan oleh Ibn al-Jazari dalam kitabnya *al-Nashr*, seterusnya dibuat perincian dan saringan oleh al-Azmiri. Kemudiannya al-Mutawalli telah menaqalkannya dalam bentuk syair bersama dengan sedikit tambahan penting dalam kitabnya yang masyhur iaitu *Rawd al-Nadir*.

Dalam membincangkan perkembangan Ilmu *Tahrirat*, pengkaji membahagikan peringkat-peringkat tersebut kepada beberapa bahagian iaitu:

1. Peringkat Permulaan

Peringkat ini bermula seiring dengan penurunan al-Quran kepada Rasulullah SAW bersama dengan segala bentuk bacaan sehingga muncul keharusan sistem pembacaan *Qira'at* secara *Jam'* sekitar awal kurun ke-5 H ('Abd al-Raziq, t.t). Masyarakat Islam pada awalnya membaca *Qira'at* secara *ifrad* yang mana mereka membaca satu-satu riwayat atau *tariq* sehingga khatam. Dengan cara bacaan ini, tentulah tidak akan berlaku pertindihan pada bacaan-bacaan tersebut. Berpandukan dan bersesuaian dengan keadaan zaman tersebut, Ilmu *Tahrirat* tidak lagi dibukukan.

Bertujuan memberi keringanan kepada umat Nabi Muhammad SAW, Allah SWT telah memberikan keizinan kepada baginda SAW untuk membaca al-Quran dengan Tujuh Huruf. Rasulullah SAW bersabda:

أَقْرَأَنِي جِبْرِيلٌ عَلَى حَرْفٍ فَرَاجَعْتُهُ فَلَمْ أَزِلْ أَسْتَزِدُهُ وَيَنْبَذِلِنِي حَتَّى اَنْتَهَى
إِلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ

Terjemahan: *Jibril a.s telah menurunkan wahyu kepadaku dan mengajarkan kepadaku membacanya dengan satu Huruf. Maka aku sentiasa meminta daripadanya supaya mengajarkan kepadaku beberapa Huruf lagi. Maka (dengan izin Allah SWT) Jibril telah mengajarkan kepadaku sehingga kepada Tujuh Huruf.* [Sahih al-Bukhari, no. hadith: 4991, Sahih Muslim, no. hadith: 819, Dinilai sahih oleh al-Albani]

Semenjak itu, Rasulullah SAW mengajar para sahabat baginda SAW dengan Tujuh Huruf yang diterimanya daripada Jibril, dan begitulah seterusnya setiap sahabat membaca dan mengajarkannya

kepada para sahabat yang lain berpandukan kepada bacaan yang diterima daripada Rasulullah SAW dan tidak mengubah sedikit pun walaupun bentuk bacaannya berlainan dengan bentuk bacaan yang diterima oleh sahabat yang lain. Ini selaras dengan arahan baginda SAW iaitu ketika baginda menyelesaikan pertikaian yang berlaku antara Saidina Umar dan Hisham bin Hakim, daripada Ibn Mas‘ud telah berkata Rasulullah SAW,

اَقْرَءُوْا كَمَا عُلِّمْتُمْ

Terjemahan: *Kamu bacalah al-Quran seperti mana kamu diajar [Kitab al-Jami‘ al-Saghir wa ziyadatuh, no. hadith: 1171, Dinilai Hasan oleh al-Albānī]*

Rasulullah SAW bersabda:

... كَذَلِكَ أُنْزَلْتُ، إِنَّ الْقُرْآنَ أُنْزَلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرُفٍ، فَاقْرُءُوْا مِنْهُ مَا تَيَسَّرَ.

Terjemahan: ...*begitulah keadaannya al-Quran diturunkan, sesungguhnya ia diturunkan dengan Tujuh Huruf. Maka bacalah mana-mana daripada bentuk bacaan yang mudah bagi kamu.* [Sahīh al-Bukhari, no. hadith: 7550, Dinilai sahīh oleh al-Albānī]

Antara Sahabat yang masyhur dan dianggap pakar dalam bidang al-Quran ialah Ubayy bin Ka‘ab, Zayd bin Thabit, Ibn Mas‘ud dan ‘Uthman bin ‘Affan. Maka para sahabat keluar dan mengajar para penduduk yang berada di sekitar mereka yang dikenali sebagai Tabi‘in, kemudian para Imam bertalaqqi dengan para Tabi‘in dan begitulah seterusnya². Para imam Qira‘at bertalaqqi di hadapan syeikh-syeikh mereka dalam beberapa sesi dan beberapa peringkat pertemuan. Oleh kerana itulah, terdapat pelbagai Riwayat Bacaan di sisi seseorang Imam Qira‘at.

Begitulah rutin *talaqqi* yang dilakukan oleh para Rawi di hadapan para Imam; yang mengambil bacaan daripada golongan Tabi‘in; yang mengambil bacaan daripada para Sahabat tanpa berlaku percampuran dan *crossing* antara *turuq*. Hafs pernah bertanya dan mengadu kepada ‘Asim, “Wahai ‘Asim, kenapa bacaan Abu Bakr tidak sama dengan bacaanku,” ‘Asim menjawab, “Aku mengajarmu berpandukan bacaan yang aku terima daripada Abi ‘Abd al-Rahman al-Sulami daripada ‘Ali bin Abi Talib. Adapun Bacaan yang Abu Bakr Ibn ‘Ayyash terima daripadaku adalah bacaan yang aku bertalaqqi dengan Zirr bin Hubaysh daripada Ibn Mas‘ud”. (Ibn al-Jazari, 2006)

² Maka setiap negeri ada dinisbahkan bacaan kepadanya, contohnya al-Madani, al-Basri dan al-Shami.

Perkara inilah yang menyebabkan berlakunya perselisihan antara Rawi dengan Imam dan *Turuq* dengan Rawi³ dan begitulah seterusnya. Perbezaan tersebut bergantung kepada apa yang mereka terima daripada guru-guru samada secara *Sam'* atau *Ada'*. Walaupun terdapat perselisihan, persepakatan dan perubahan pada lafaz serta kesannya pada makna, semuanya masih berada dalam lingkungan sanad dan susur galur sanadnya bersambung kepada Rasulullah SAW.

Justeru, berlakunya perselisihan dan perbezaan dalam kalangan Qurra', Perawi dan *Turuq* di bawahnya adalah disebabkan oleh semata-mata *talaqqi* daripada guru-guru mereka dan bukannya hasil rekaan mereka. Ibn Mujahid menukilkan bahawa al-Asmu'i berkata, "aku pernah mendengar Abu 'Amr bin al-'Ala' berkata: jika bukan kerana aku terpaksa membaca apa yang diajarkan kepadaku, maka aku akan membaca sekian-sekian," (Ibn al-Jazari, 2006). Ini membuktikan bahawa ketetapan bacaan dengan pelbagai Qira'at adalah merupakan Sunnah Yang Diikut dan Diamalkan (*Sunnah Muttaba'ah*) dan bukan rekaan daripada mereka.

Perbincangan ini membuktikan bahawa permulaan Ilmu *Tahrirat* adalah bermula seiring dengan perkembangan Ilmu Qira'at. Pada peringkat ini ilmu *Tahrirat* tidak dianggap sebagai satu disiplin ilmu yang berasingan daripada ilmu Qira'at. Ianya tiada keperluan untuk dibukukan dan didokumentasikan. Setiap qari akan menyandarkan bacaannya kepada gurunya secara langsung semasa bertalaqqi sehingga susur galur sanadnya bersambung kepada Rasulullah SAW. Mereka hanya membaca secara *Ifrad*⁴; sudah tentu tidak berlaku percampuran antara *tariq* dan inilah tanda aras penelitian yang tinggi dalam *al-Hay'ah al-Ada'iyyah* dalam Ilmu Qira'at.

2. Peringkat Kedua

Peringkat ini merupakan Marhalah Pembukuan yang berlaku pada pertengahan kurun ke 5 H (Bashir Ahmad Di'bis, t.t.) Berlakunya ekoran kesan daripada terdapat keharusan untuk membaca Qira'at dengan cara *Jam'* (*bi al-Jam'*) iaitu menghimpunkan pelbagai riwayat bermula daripada surah al-Fatiyah sehingga khatam. Kesan daripada keharusan manhaj ini, maka berlakulah percampuran antara *turuq-turuq* dan wajah-wajah pada bacaan. Maka sistem ini memerlukan kepada satu garis panduan untuk menyusun semula susur galur yang sahih antara riwayat dan bertujuan untuk mengelak daripada berlakunya pertindanan pada riwayat.

Ibn al-Jazari (1998) telah menetapkan empat syarat yang mesti dipatuhi untuk membaca Qira'at secara *Jam'*. Empat syarat tersebut ialah:

³ Seperti perselisihan yang berlaku antara Nafi' dan Ibn Kathir, berlaku juga perselisihan antara sesama Rawi seperti perselisihan antara al-Bazzi dan Qunbul.

⁴ Iaitu membaca dengan hanya satu riwayat pada satu-satu masa sehingga khatam.

1. Menjaga tempat waqaf (berhenti).
2. Menjaga tempat ibtida’ (permulaan bacaan).
3. Sebaik-baik perlaksanaan (dari segi tajwid, sebutan huruf, dan lain-lain).
4. Tiada pertindanan (percampuran antara bacaan atau riwayat).

Hukum asal bagi Qira’at *Jam’*, ialah harus (Fathi al-‘Ubaydi, 2006). Kaedah *Jam’* ini baru sahaja muncul sekitar pertengahan kurun ke 5 H semasa zaman Abu ‘Amr ‘Uthman bin Sa‘id al-Dani. Sebelum terciptanya kaedah *Jam’*, semua bacaan atau Qira’at dipelajari dan *ditalaqqi*⁵ daripada satu riwayat kepada satu riwayat yang lain (al-Nuwayri, 2003). Dengan kata lain, dibaca secara *ifrad*. Dari Surah al-Fatihah sehingga Surah al-Nas.

Pada awalnya, para *mashayikh* tidak membenarkan seseorang itu membaca Qira’at secara *Jam’* melainkan setelah individu terabit membaca terlebih dahulu secara *ifrad*, di samping mahir tentang selok belok sanad dan riwayat, serta telah khatam sekali khatam bagi setiap bacaan bagi setiap Imam secara berguru (al-Nuwayri, 2003). Adapun para pelajar Ilmu Qira’at pada kurun ke 5 mula berasa sukar untuk *bertalaqqi* setiap riwayat dengan sekali khatam. Kesan daripada kesukaran tersebut telah menyebabkan mereka hampir-hampir ingin meninggalkan pengajian dan *talaqqi* Ilmu Qira’at. Di samping itu, kesibukan masa yang semakin menghimpit dengan pelbagai tanggungjawab telah menambahkan lagi kerumitan untuk *bertalaqqi*. Tambahan pula, *talaqqi* memakan waktu yang lama bagi setiap riwayat. Oleh yang demikian, mereka cenderung untuk mempercepatkan serta memendekkan tempoh masa *talaqqi* bagi setiap riwayat dengan kaedah *Jam’* ini.

Selepas terdapat kebenaran bacaan secara *Jam’*, timbul pula satu ilmu lain yang lebih terperinci iaitu Ilmu *Tahrirat*. Ia tidak lain dan tidak bukan adalah untuk menjaga dan juga sebagai garis panduan khusus kepada bacaan *Jam’*. Ini kerana bacaan *Jam’* telah menjadi punca kepada berlakunya pertindanan dan percampuran antara riwayat serta bacaan. Sehinggakan ada antara pembaca al-Quran membaca dengan pelbagai riwayat dalam satu ayat, bercampur-gaul tanpa mengetahui batas-batas setiap Qira’at.

Kesalahan demi kesalahan berlaku. Justeru, Ilmu *Tahrirat* dicipta bagi menangani masalah yang semakin parah melanda umat Islam pada waktu itu. Dengan Ilmu *Tahrirat* ini, maka lengkaplah kaedah *Jam’*. Hal demikian adalah untuk menerangkan bentuk-bentuk bacaan yang dibolehkan mengikut aturan riwayat, dan menjelaskan bacaan yang dilarang serta tiada dalam periwayatan.

Bagi mereka yang mengkaji kitab-kitab ulama yang mengharuskan *Jam’* al-Qira’at⁶ akan mendapati kitab-kitab karangan

⁵ Satu manhaj pembelajaran lafaz-lafaz al-Qur'an secara berguru.

⁶ Seperti al-Dani, al-Hudhalī, Ibn al-Fahham dan ulama-ulama Qira’at yang datang selepas mereka.

mereka dipenuhi dengan *Tahrirat*. Walaupun mereka tidak memfokuskan kepada perbincangan *Tahrirat* namun setiap kali mereka menyebut tentang khilaf yang berlaku pada wajah, mereka akan menyebut setiap wajah bersama perawinya dan *tariq-tariq* yang meriwayatkan wajah tersebut. Ini jelas menunjukkan pada waktu itu ilmu *Tahrirat* telah mula dibukukan oleh para ulama pada zaman tersebut.

Ini sekaligus merupakan bukti bahawa *Tahrirat* telah diamalkan secara *Tatbiq Amali* dalam kalangan Perawi dan juga Imam Qira'at. Kelaziman ini berterusan sehingga tiba zaman Ibn al-Jazari iaitu pada kurun ke 8 H.

3. Peringkat Ketiga

Peringkat ini bermula pada era permulaan kurun ke 8 H iaitu sekitar zaman al-Muhaqqiq al-'Alim Ibn al-Jazari. Pada peringkat kedua di atas telah diterangkan terdapat ribuan kitab yang telah dikarang dan terlalu banyak riwayat dan *turuq* sehingga mencapai ribuan riwayat dan *turuq* bagi sesuatu bacaan sehinggakan bercampur bentuk bacaan yang harus dibaca dengan yang sebaliknya. Dan perkara ini memerlukan kepada beberapa lapis tapisan dengan beberapa mekanisma yang perlu bagi mengasingkan wajah yang sahih dan sebaliknya. Bagi menggalas perkara ini, muncullah Ibn al-Jazari bersama kitabnya al-Nashr yang mengumpulkan wajah yang paling tinggi darjat dan mutawatir sanadnya. Beliau mengasingkan wajah-wajah yang harus dan yang dilarang untuk dibaca.

Terdapat satu rangkap bait syair (Ibn al-Jazari, 1994) yang dianggap sebagai kaedah terpenting dan pencetus kepada perkembangan Ilmu *Tahrirat* iaitu,

لَكِنْ يَوْجِهُ الْمُهَنْزِ وَالْمَدِّ اَمْنَعَا

Dalam bait di atas Ibn al-Jazari menjelaskan bahawa wajah Idgham Kabir bagi Abu 'Amr ditegah daripada dibaca bersama dengan wajah enam harakat pada Mad al-Munfasil dan bersama dengan wajah *Tahqiq* pada huruf Hamzah yang berbaris Mati.

Di antara fakta *Tahrirat* yang terdapat di dalam al-Nashr adalah pada bab *al-Sakt*, beliau menerangkan wajah Saktah bagi Hafs mestilah dibaca bersama dengan wajah enam harakat dan dilarang dibaca wajah Saktah bersama wajah *al-Qasr*. Ini kerana wajah Saktah dan wajah enam harakat diriwayatkan daripada *Tariq* al-Ushnani daripada 'Ubayd daripada Hafs. Manakala wajah *al-Qasr* dan *al-Idraj* iaitu tanpa saktah diriwayatkan daripada *Tariq* al-Fil yang bersumberkan daripada 'Amr daripada Hafs (Muhammad al-Mutawalli, 2006)

Oleh yang demikian, dengan terhasilnya karangan ini seolah-olah menyentap semangat para ulama ketika itu untuk bersama-sama mendalami bidang ini. Pelbagai lapisan ulama menyahut seruan tersebut lalu mereka mengkaji dan mendalami segenap aspek yang terkandung

dalam kitab al-Nashr. Ulama *Tahrirat* atau digelar sebagai *al-Muharririn* terbahagi kepada dua kumpulan mazhab; mazhab yang pertama hanya berpegang kepada nas zahir al-Nashr iaitu al-Mansuri dan pengikutnya⁷. Mazhab kedua (‘Abd al-Rahman bin Muqbil, 2014) pula terdiri daripada mereka yang bukan hanya berpegang kepada nas zahir al-Nashr malah membandingkannya dengan merujuk kembali kitab-kitab rujukan asal bagi kitab al-Nashr (al-Mutawalli, 2006). Namun akhirnya, berdasarkan kepada beberapa faktor, para ulama bersepakat untuk menggunakan *Tahrirat* yang ditulis oleh Imam al-Azmiri dan Imam al-Mutawalli.

vi. Metodologi Kitab al-Nashr fi al-Qira’at al-‘Ashr

Kitab al-Nashr merupakan kitab tumpuan dan merupakan rujukan utama bagi ulama *Tahrirat*. Oleh itu, pengkaji mendatangkan biodata ringkas kitab tersebut. Kitab al-Nashr fi al-Qira’at al-‘Ashr merupakan kitab yang menjadi fokus dan sumber utama perbincangan dalam kalangan ulama *Tahrirat*. Kitab al-Nashr merupakan sebuah kitab yang sangat masyhur dalam kalangan imam-imam Qira’at dan mereka yang berkecimpung dalam bidang Qira’at. Semenjak ianya dikenal sehingga sekarang kitab ini merupakan tunjang dan rujukan utama dalam bidang Qira’at khususnya Qira’at ‘Asyr al-Kubra. Keistimewaananya (Bashir Ahmad Di‘bis, t.t.) ialah:

1. Segala fakta dikumpulkan dengan penanda aras ketelitian yang amat tinggi sehingga al-Nashr dianggap sebagai Ensiklopedia Qira’at ‘Asyr al-Kubra yang lengkap.
2. Terdapat segala khilaf antara Imam, Rawi dan *Turuq*.
3. Setiap wajah disandarkan kepada Pemindahnya untuk mengelakkan pertindanan pada riwayat.
4. Dianggap sebagai sebuah Kitab Ganti bagi kitab rujukan asal yang hilang⁸.
5. Mempelopori pendapat bahawa Qira’at bagi tiga imam iaitu Abu Ja‘far, Ya‘qub dan Khalaf al-‘Ashir sebagai *mutawatir*.

vii. Sejarah Pembukuan Kitab

Ibn al-Jazari telah mula mengarang kitab al-Nashr pada awal bulan Rabi‘ al-‘Awwal pada tahun 799 H dan beliau berjaya menyiapkan karangan berharga ini pada bulan Zulhijjah pada tahun yang sama (Ibn al-Jazari, 1998). Ketika itu umur beliau hampir mencencah 50 tahun. Beliau telah menghimpunkan mutiara-mutiara ilmu yang beliau telah kumpulkan selama 40 tahun. Kitab ini mengandungi dan mencakupi segala aspek yang berkaitan dengan al-Qira’at al-‘Ashr al-Mutawatirah samada pada Usul, Farsh dan juga perselisihan yang berlaku dalam

⁷ Pada awalnya, al-Mutawalli berpegang kepada mazhab ini.

⁸ Semua kitab yang diambil sebagai rujukan oleh Ibn al-Jazari telah *ditalaqqi* dengan gurunya dan mempunyai sanad yang *muttasil*. Malangnya kebanyakannya daripada rujukan-rujukan tersebut telah hilang, contohnya seperti kitab al-Tidhkar dan dua kitab karangan Ibn Khayrun iaitu al-Muwaddah dan al-Miftah.

kalangan Imam-imam, Rawi serta *Turuq*. Ibn al-Jazari (1998) telah menggambarkan kitab karangan beliau dengan katanya:

“aku telah mengumpulkan *al-Qira’at* *al-‘Ashr* dalam sebuah kitab yang akan menjadi rujukan. Aku tidak meninggalkan walaupun satu Harf daripada para Imam kecuali aku menyebutnya dan tidak ada khilaf kecuali aku menulisnya. Tiada permasalahan yang timbul kecuali aku telah terangkan dan telah rungkaikannya. Aku permudahkan segala kerumitan dan aku sandarkan setiap wajah dan khilaf kepada sumber asalnya. Segala yang terdapat dalam kitab *al-Shatibiyyah* dan *al-Taysir* terangkum di dalamnya, kerana di dalam kedua-duanya hanya terdapat empat belas tariq tetapi dalam kitabku ini terdapat lapan puluh tariq. Ramai orang menyangka bahawa ilmu ini sudah terkubur, aku berdoa ianya pasti akan bangkit kembali dengan kehebatan kitabku ini.”

Imam Ibn al-Jazari telah menerangkan metode beliau ketika mengarang kitab al-Nashr. Beliau memberi isyarat bahawa kitab beliau ini mengandungi segala penerangan yang terdapat pada kitab al-Taysir, matan al-Shatibiyyah dan selain daripada kedua-duanya. Beliau juga mengumpul segala *Qira’at* yang sahih dan selainnya daripada mutiara-mutiara Ilmu *Qira’at*.

viii. Sumber al-Nashr

Kitab-kitab yang dijadikan rujukan oleh Ibn al-Jazari dikenali sebagai *Usul al-Nashr* yang berjumlah 64 buah iaitu terdiri daripada 58 buah kitab yang berkisar tentang *Qira’at* al-Sab’, al-Thaman dan al-‘Ashr serta 6 buah kitab sebagai syarah kepada *Matn al-Shatibiyyah* (al-Mutawalli, 2006). Terdapat sebanyak 80 *tariq*, dan daripada bilangan tersebut, *tariq-tariq* lain terus berkembang sehingga mencapai bilangan hampir seribu *tariq*. Sebagaimana kata Ibn al-Jazari. (1994):

فَهُنَّ زُهْدًا أَلْفِ طَرِيقٍ بَعْدَمْعٍ

Terjemahan: *Jumlah tariq jika dikumpulkan hampir mencelah seribu tariq*

Namun berdasarkan sanad-sanad pengajian *Qira’at* Sepuluh yang telah disebut oleh Ibn al-Jazari, maka terdapat hanya 37 buah kitab yang betul-betul disebut dalam silsilah sanad beliau (Muhammad Tamim al-Zu’bi, 1994).

Pengarang kepada kesemua kitab-kitab di atas dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu:

1. Mereka yang hanya menyenaraikan bacaan-bacaan atau *Qira’at* yang paling masyhur dan sahih di sisi mereka sahaja seperti pengarang kitab al-Taysir, al-Tajrid dan al-Shatibiyyah.
2. Mereka yang tidak meletakkan apa-apa syarat bahkan menyenaraikan segala bentuk bacaan atau *Qira’at* yang sampai kepada mereka

sebagaimana yang telah dilakukan oleh al-Hudhali yang merupakan pengarang kitab al-Kamil (Muhammad Tamim al-Zu‘bi, 1994)

KESIMPULAN

Penulisan ini menyimpulkan bahawa Ilmu *Tahrirat* sangat berkait rapat dengan al-Quran dan Qira’at. Kemunculannya dipengaruhi oleh perubahan yang berlaku pada sistem *talaqqi* al-Quran dan Qira’at. Pada mulanya ilmu Qira’at diterima hanya secara *ifrad* dan metod ini memakan masa yang teramat lama. Justeru, metod pengajian ilmu Qira’at secara *Jam’* mula diperkenalkan. Namun, samada sistem *talaqqi & mushafahah* yang dilakukan secara *Ifrad* mahupun *Jam’* ilmu *Tahrirat* tetap menjadi nadi penting dalam memastikan setiap wajah bacaan dibaca mengikut aturannya.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Raziq bin ‘Ali bin Ibrahim Musa. (t.t). *Ta’ammulat fi Tahrirat al-Qira’at*
‘Abd al-Fattah al-Sayyid al-‘Ajmi. (t.t.). *Hidayat al-Qari ila Tajwid Kalam al-Bari*. al-Madinah al-Munawwarah, Maktabah Tayyibah, t.t. cetakan kedua
- ‘Abd al-Rahman bin Muqbil. (2014). *Ashhar al-Mu’allafat fi Tahrir al-Qira’at*, dicapai pada 8 Ogos 2021, <http://fac.ksu.edu.sa/alshamri1/blog/65915>.
- Ahmad Khalid Shukri, Ahmad Muhammad Muflih dan Muhammad Khalid Mansur. (2001). *Muqaddimat fi ‘Ilm al-Qira’at*. ‘Amman, Dar ‘Ammar Al-Jamzuri, Sulayman bin Husayn. (2005). *al-Fath al-Rahmani Sharh Kanz al-Ma‘ani* (Tahqiq: ‘Abd al-Raziq bin ‘Ali bin Ibrahim Musa). Kaherah, Dar Ibn ‘Affan
- Al-Nuwayri. (2003). *Sharh Tayyibat al-Nashr fi al-Qira’at al-‘Ashr*. Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Al-Shatibi. (1996). *Matn al-Shatibiyyah al-Musamma Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*. al-Madinah al-Munawwarah, Maktabat Dar al-Huda
- Al-Sayyid Ahmad ‘Abd al-Rahim. (2002). *al-Halaqat al-Mudi’at*. Riyadh, Maktabat al-Malik Fahd al-Wataniyyah
- Al-Zabidi. (1965). *Taj al-‘Arus min Jawahir al-Qamus*. Kuwait, Matba‘at Hukumat al-Kuwayt, Lajnat al-Turath al-‘Arabi
- ‘Ali Muhammad al-Dabba‘. (t.t.). *Sarih al-Nass*. Kaherah, Mustafa al-Babi al-Halabi
- Bashir Ahmad Di‘bis. (t.t.). *Muhadarat fi al-Tahrirat wa al-‘Azw*. Mesir, Tanta, Jami‘at al-Azhar al-Sharif, nota Kuliah al-Qur’an al-Karim li al-Qira’at wa ‘Ulumiha
- Fathi al-‘Ubaydi. (2006). *al-Jam` bi al-Qira’at al-Mutawatirah*. Beirut, Dar Ibn Hazm
- Ibn al-Jazari. (1994). *Matn Tayyibat al-Nashr* (Tahqiq: Muhammad Tamim al-Zu‘bi). al-Madinah al-Munawwarah, Maktabah Dar al-Huda
- Ibn al-Jazari. (1998). *al-Nashr fi al-Qira’at al-‘Ashr*. Beirut, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah

- Ibn al-Jazari, Shams al-Din Ibn al-Jazari. (2006). *Ghayat al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra'*. Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Ibn Manzur. (t.t.). *Lisan al-'Arab*. Kaherah, Dar al-Ma'arif
- Muhammad al-Mutawalli. (2006) *al-Rawd al-Nadir* (Tahqiq: Khalid Hasan Abu al-Jud). Tanta, Dar al-Sahabah li al-Turath
- Muhammad bin Muhammad Jabir al-Misri. (2008). *Sharh Mukhtasar Qawa'id al-Tahrir*. Tanta, Dar al-Sahabah li al-Turath
- Muhammad Tamim al-Zu'bi. (1994). *Muqaddimat Tayyibbat al-Nashr* (dicetak bersama Ibn al-Jazari, Matn Tayyibat al-Nashr). al-Madinah al-Munawwarah, Maktabat Dar al-Huda
- Nasir al-Din al-Albani. (t.t.). *Kitab al-Jami' al-Saghir wa Ziyadatuh*. Beirut, al-Maktab al-Islami
- Rida 'Ali Darwish dan Samih bin Ahmad. (2000). *Fath al-Rahman fi Taysir Turuq Hafs Ibn Sulayman*. Kaherah: Maktabah Qurtubah li al-Turath
- Sa'd Muhammad 'Abd al-Ghaffar Yusuf. (t.t.). *Zahirat al-Qalqalah*. Majallat al-Buhuth wa al-Dirasat al-Qur'aniyyat, Bilangan 17.
- Salih bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad Al al-Shaykh, ed. (2000). *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif*, al-Kutub al-Sittah. Riyad, Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'
- Sami 'Abd al-Fattah Hilal. (t.t.). *al-Talaqqi wa al-Mushafahah*. Tanta: al-Majallah al-'Ilmiyyah li Kuliyat al-Qur'an al-Karim li al-Qira'at wa 'Ulumiha, bilangan ke 2